

# 10 HARI 7 MALAM TURKI KLASIK

Istanbul - Bursa - Kusadasi - Pamukkale - Konya - Cappadocia - Bolu

## HARGA FIESTA

ALL-IN  
RM **4,790**

## WARGA EMAS

ALL-IN  
RM **4,750**



### MUSIM

Musim Sejuk November - Mac



### MATAWANG

Turkish Lira 1 TL = RM0.75



### PERBEZAAN WAKTU

Doha : 5 JAM  
Turki : 5 JAM



### HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
ISTANBUL	2	Hotel Istanbul Ramada Merter / setaraf
KUSADASI	1	Hotel Dabaklar / setaraf
PAMUKKALE	1	Hotel Tripolis / setaraf
CAPPADOCIA	2	Hotel Cappadocia Burcu Kaya / setaraf
BOLU	1	Hotel Hampton / setaraf

### HARI 1 KUALA LUMPUR - ISTANBUL

Tetamu berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Istanbul, Turki.

### HARI 2 ISTANBUL - BURSA



Setibanya di Lapangan Terbang Istanbul, bertolak ke **Bursa** iaitu kota yang pernah menjadi ibu negara pertama kerajaan Uthmaniyyah sebelum Edirne dan Istanbul. Setibanya di Bursa, tetamu melawat **Green Mosque**, sebuah masjid yang sangat menakjubkan seni binanya dan mendapat nama daripada jubin di dalam masjid tersebut yang berona hijau kebiruan dan **Green Mausoleum**, makam Sultan Mehmet I dan ahli keluarganya yang membina masjid ini. Seterusnya melawat **Ulu Cami** yang turut dikenali sebagai Grand Mosque of Bursa yang merupakan mercu tanda seni bina Uthmaniyyah terawal dan masjid terbesar di Bursa dengan 20 kubah dan 2 menara. Masjid ini turut mempamerkan seni kaligrafi Islam terbaik yang tertulis di dinding, kolum dan plat oleh penulis kaligrafi terhebat pada zaman tersebut. Kemudian, tetamu akan dibawa melawat **Koza Han**, sebuah pasar sutera dengan pemandangan klasik yang sangat cantik, dibangunkan oleh Sultan Uthmaniyyah iaitu Bayezid II pada tahun 1491. Daftar masuk hotel dan makan malam.

### HARI 3 BURSA - KUSADASI



Sarapan pagi di hotel. Bertolak ke Kusadasi. Melawat kota **Kusadasi** yang terkenal dengan sejarah peninggalan kota **Ephesus** iaitu kota penempatan zaman Yunani dan Rom purba yang dibina pada 10 SM yang menempatkan monumen-monumen zaman empayar Yunani dan Rom seperti Library of Celcius dan Great Theatre, serta peninggalan Temple of Artemis yang merupakan salah satu daripada Seven Wonders of the Ancient World. Lawatan diteruskan ke **7 Sleepers Cave** yang bersejarah, gua di mana 7 pemuda Ashabul Kahfi bersembunyi dan dibangunkan daripada tidur setelah kira-kira 300 tahun seperti yang diceritakan di dalam Al-Quran. Daftar masuk hotel dan makan malam.

### HARI 4 KUSADASI - PAMUKKALE



Sarapan pagi di hotel. Perjalanan diteruskan ke Pamukkale. Tetamu akan dibawa melawat tarikan utama di **Pamukkale** iaitu **Hierapolis & Necropolis**, yang terkenal dengan mandian termal dan pusat kesihatan. Ia juga tersenarai sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Selain itu, melawat **Cotton Castle** yang amat terkenal dengan teres-teres kolam air panas berwarna putih. Selain itu, terdapat juga **Cleopatra's Thermal Pool** yang dibina pada era Rom yang dipercayai oleh orang zaman dahulu bahawa air panas di Pamukkale boleh menyembuhkan penyakit seperti asma, arthritis dan masalah pencernaan. Daftar masuk hotel dan makan malam.

### HARI 5 PAMUKKALE - KONYA - CAPPADOCIA



Setelah sarapan pagi di hotel, lawatan diteruskan ke bandar **Konya** di mana tetamu akan dibawa melawat **Sulphani Caravanserai** yang merupakan salah satu hotel terawal bagi para pedagang Laluan Sutera suatu ketika dahulu. Kemudian, menziarahi **Mevlana Museum** iaitu sekolah terawal dan terbesar bagi ahli-ahli sufi ketika zaman Uthmaniyyah dan menempatkan makam pengasasnya iaitu Jalaluddin Rumi. Bertolak ke Cappadocia. Daftar masuk hotel dan makan malam.

### HARI 6 CAPPADOCIA



Sarapan pagi di hotel. tetamu akan dibawa melawat penempatan awal bawah tanah di **Cappadocia** pada zaman dahulu iaitu **Cardakli Underground City** di mana pada satu ketika hampir 5,000 penduduk tinggal di kota bawah tanah ini. Kemudian menyaksikan cara-cara pembuatan karpet Turki di **Carpet Factory** yang cukup terkenal dengan kehalusan seni karyanya dan ke **Avanos Village** untuk melihat hasil kerja tangan barangan tembikar berhiaskan batu turquoise secara tradisional. Makan tengahari dan tetamu akan dibawa mengambil gambar panorama indah Goreme dan Pasabag Valley. Melawat **Pigeon Valley**, di mana tetamu dapat menyaksikan lanskap lembah batuan yang memukau dan lubang-lubang yang diukir pada batu tersebut sebagai rumah merpati. Daftar masuk hotel dan makan malam.

### HARI 7 CAPPADOCIA - ANKARA - BOLU



Sarapan pagi di hotel. Meneruskan perjalanan ke Ankara untuk melawat **Muzium Atatürk** (daripada luar). Ia juga dikenali sebagai Muzium Etnografi Ankara. Di dalam muzium ini terdapat barang-barang peninggalan Mustafa Kemal Atatürk dan makamnya. Kemudian singgah di **Salt Lake** sebelum bertolak ke Bolu. Daftar masuk hotel dan makan malam.



GRAND BAZAAR



COTTON CASTLE



### HARI 8 ISTANBUL



Selesai bersarapan, bertolak menuju ke Istanbul dan tetamu akan dibawa menaiki **Bosphorus Cruise** dan menyusuri Selat Bosphorus yang menghubungkan Lautan Marmara dan Laut Hitam, di mana tetamu berpeluang melihat mercu tanda kota Istanbul di sepanjang pelayaran antaranya Rumelian Castle, Anatolian Castle dan Dolmabahçe Palace. Lawatan diteruskan ke Istanbul, kota antara dua benua iaitu Asia dan Eropah. Melawat **Suleymaniye Mosque**, salah satu masjid yang dibina semasa pemerintahan Ottoman dan antara yang tercantik di Turki. Singgah melawat **Fatih Mosque** yang sangat terkenal kerana seni bina interiornya yang begitu mengagumkan, dibina oleh penakluk kota Constantinople iaitu Sultan Muhammad Al-Fatih yang berhasrat untuk membina sebuah monumen Islam yang lebih hebat daripada Hagia Sophia dan di sini juga tempat jasadnya dimakamkan. Masa bebas untuk membeli cenderamata di **Grand Bazaar**, yang menempatkan lebih dari 3000 lot kedai yang menjual pelbagai jenis barangan dan telah wujud sejak tahun 1455 lagi. Kemudian, tetamu akan dibawa makan malam dan daftar masuk hotel.

dan pedang di samping peninggalan nabi-nabi yang lain seperti pedang Nabi Daud, tongkat Nabi Musa dan serban Nabi Yusuf. Kemudian, tetamu akan ke Hagia Sofia yang cukup sinonim dengan kota Istanbul. Merupakan sebuah Basilika Kristian Ortodoks ketika empayar Byzantine yang kemudiannya ditukarkan menjadi masjid oleh Sultan Mehmet pada 1453. Kini, ia merupakan sebuah muzium dan kekal sebagai monumen dan karya seni bina penting kepada empayar Byzantine dan Uthmaniyyah. Lawatan diteruskan ke **Blue Mosque**, yang mendapat namanya daripada jubin biru yang mengelilingi dinding dalaman serta satu-satunya masjid di Istanbul yang mempunyai 6 menara. **Hippodrome Square** di mana hari ini ia dihiasi dengan Egyptian Obelisk, Serpentine Column dan Istana Ibrahim Pasa (lihat dari luar). Seterusnya tetamu akan dibawa ke **Spice Market**, pasar terbaik untuk membeli makanan tradisional Turkish seperti Turkish Delight dan Baklava untuk dibawa pulang ke Malaysia. Akhir sekali, tetamu akan dibawa melawat makan sahabat Rasulullah SAW iaitu **Abu Ayyub Al-Ansari** yang terletak di Abu Ayyub Al-Ansari Mosque di kawasan Golden Horn. Makan malam dan pulang ke hotel, sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur melalui Istanbul.

### HARI 9 ISTANBUL - KUALA LUMPUR



Sarapan pagi di hotel. Memulakan lawatan ke ikon kota Istanbul iaitu **Topkapi Palace** yang pernah menjadi kediaman sultan2 Uthmaniyyah selama 400 tahun. Di sini, tetamu berkesempatan untuk melihat peninggalan Rasulullah SAW seperti janggut, gigi, jubah

### HARI 10 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

### EPHESUS



15, 16, 20, 23 Apr 2019 **TURKISH AIRLINES**

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 5,190	RM 5,890	RM 4,390	RM 4,190	RM 4,090
Warga Emas	RM 5,090	RM 5,790			
FIESTA	RM 4,790	RM 5,490	RM 3,990	RM 3,790	RM 3,690
Warga Emas	RM 4,750	RM 5,450			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	TK 61	K. LUMPUR - ISTANBUL	2315	0515
09	1K 60	ISTANBUL - K. LUMPUR	0120	1655

### Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Elaun Bagasi (check in) 30kg sehalah dan Bagasi Kabin 7kg.
- Hotel penginapan bertaraf 4\* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan.
- Percuma bot persiaran Bosphorus Cruise yang bernilai USD60 seorang.
- Percuma tiket masuk pertunjukan Zelve 3D Mapping yang bernilai USD30 seorang.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Ephesus, Hierapolis (Cotton Castle), Mevlana Museum, Caydalı Underground City, Topkapi Palace dan Hagia Sophia.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa dan dilengkapi WIFI.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bus persiaran.
- Diiringi ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.

### Pakej Tidak Termasuk

- Menaiki Hot Air Balloon (USD220 seorang) dan menonton Whirling Dervish Ceremony (USD35) di Cappadocia.
- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

### BOSPHORUS CRUISE

